

## KENYATAAN MEDIA

### PENJELASAN BERHUBUNG JAWAPAN SOALAN TAMBAHAN DI DEWAN RAKYAT MENGENAI ISU PENGGUGURAN KANDUNGAN

**PUTRAJAYA, 8 JULAI 2026:** Saya mengambil maklum terhadap kenyataan yang dikeluarkan oleh beberapa pihak berhubung jawapan yang telah saya berikan bagi soalan tambahan yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen Kepala Batas semasa sesi Pertanyaan Lisan di Dewan Rakyat pada 6 Julai 2026.

Saya yakin pihak yang berkenaan mengetahui bahawa di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574], khususnya Seksyen 312 hingga Seksyen 316, pengguguran kandungan pada asasnya merupakan suatu kesalahan jenayah. Walau bagaimanapun, undang-undang Malaysia turut memperuntukkan pengecualian yang jelas di bawah Seksyen 312.

Pengecualian tersebut membenarkan penamatan kehamilan dilakukan oleh seorang pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971 jika pengamal perubatan tersebut berpendapat, dengan suci hati, bahawa penerusan kehamilan itu akan melibatkan risiko kepada nyawa perempuan hamil itu, atau kecederaan kepada fizikal atau mental beliau. Dalam keadaan sedemikian, penamatan kehamilan adalah dibenarkan di sisi undang-undang.

Mungkin timbul kekeliruan atau salah anggap terhadap maklum balas saya di Dewan Rakyat pada hari tersebut apabila saya tidak menyatakan secara jelas mengenai peruntukkan pengecualian di bawah Seksyen 312 Kanun Keseksaan. Namun, kenyataan saya itu adalah merujuk secara spesifik kepada soalan tambahan iaitu "*berkenaan dengan jumlah klinik yang dikesan melakukan perkhidmatan pengguguran secara haram tanpa kebenaran di seluruh negara*".

Saya ingin menegaskan bahawa penjelasan yang diberikan tidak bertujuan untuk mengetepikan pengecualian yang diperuntukkan di bawah undang-undang sedia ada berhubung pengguguran kandungan. Salah tafsiran terhadap maklum balas saya mungkin timbul apabila ia dilihat dari sudut yang berbeza, serta mungkin tajuk pelaporan yang tidak menggambarkan keadaan keseluruhan.

Saya dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa menghormati dan mengiktiraf kerangka perundangan yang berkuat kuasa di negara ini. Saya menghargai pandangan yang dikemukakan oleh semua pihak dan berharap penjelasan ini dapat menjernihkan sebarang kekeliruan mengenai kenyataan saya serta kedudukan undang-undang berkaitan.

Terima Kasih.

**YB LIM HUI YING**  
**TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA**  
**KELUARGA DAN MASYARAKAT**  
**8 JULAI 2026**